



4 OKTOBER 2018

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

INTEGRITI ASAS KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

CyberSecurity Malaysia semai nilai integriti melalui pelaksanaan kawalan dalaman semasa bagi meningkatkan mutu serta kualiti perkhidmatan warganya

SERI KEMBANGAN (4 OKTOBER 2018) - CyberSecurity Malaysia hari ini mengadakan **Hari Mesra Integriti** sebagai wadah untuk terus memberi komitmen bagi mempromosi integriti, ketelusan serta tadbir urus terbaik di dalam pentadbiran di semua peringkat operasi.

Program yang melibatkan warga kerja CyberSecurity Malaysia ini diadakan untuk menzahirkan komitmen warga kerja dalam menyediakan perkhidmatan kepakaran keselamatan siber dengan penuh dedikasi serta bebas dari segala bentuk salah laku terutama gejala rasuah.

Menurut Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, "Program ini merupakan satu agenda penting dalam tadbir urus CyberSecurity Malaysia. Ia perlu bagi memberi peringatan secara berterusan kepada warga kerja agar mereka dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dalam melaksanakan tugas harian berasaskan prinsip bebas rasuah serta mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh menyakinkan *stakeholders*, rakan kerjasama serta para pelanggan."

Hari Mesra Integriti CyberSecurity Malaysia diadakan sejajar dengan arahan Audit, Governance & Integrity Committee (AGI) pada 10 April 2018. Ia merupakan kesinambungan dari Ikrar Integriti Korporat yang ditandatangani bersama oleh Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif dan Dato' Haji Mohamad Yusoff bin Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 21 November 2016, diikuti dengan lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh semua warga CyberSecurity Malaysia diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada 6 April 2017.



Melalui Ikrar Integriti Korporat, sesebuah organisasi membuat deklarasi bahawa organisasi tersebut tidak akan terlibat dengan apa jua aktiviti rasuah dan berusaha mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif serta bebas dari sebarang unsur rasuah.

“Bagi memantapkan pelaksanaan amalan integriti di CyberSecurity Malaysia, kita telah menghantar Ketua Jabatan *Audit, Governance and Integrity* ke Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang dianjurkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 8 – 26 Mei 2017.” ujar Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan pada Hari Mesra Integriti, antaranya bual bicara santai bertajuk ‘Integriti: Isu Dan Cabarannya’ bersama Encik Kamaruddin bin M Ripin, Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPJ), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); taklimat kesedaran bertajuk ‘*Gift Policy Code of Conduct*’, ‘*Policy on Gifts and Donations*’ dan ‘*Policy of Whistleblowing*’; aktiviti Interaktif Integriti seperti *Crossword Puzzle*, *Dart of Integrity*; Pop Kuiz serta penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Integriti yang diadakan pada bulan Ogos 2018.

“Program Hari Mesra Integriti akan menjadi acara tahunan CyberSecurity Malaysia kerana melalui program ini ia dapat mengubah sikap dan etika kerja warga CyberSecurity Malaysia. Selain itu, ia turut mendukung Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat di Malaysia serta dapat mengekalkan imej serta reputasi CyberSecurity Malaysia sebagai badan bebas rasuah.” jelas Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: media@cybersecurity.my atau hubungi +603-89926888,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (samb: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (samb: 6945)